

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU

1. Latar Belakang

1.1 Sistem tulisan dan ejaan Jawi yang digunakan sekarang ialah sistem yang termuat dalam buku *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* yang diterbitkan secara rasmi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1986 (edisi kedua, 1987; edisi ketiga, 1993). Sistem ini merupakan sistem ejaan Jawi terkini yang disempurnakan atau dimantapkan daripada Kaedah Ejaan Jawi yang digunakan sebelumnya yang berasaskan Kaedah Ejaan Jawi Za'ba (sebagaimana yang terdapat dalam buku *Daftar Ejaan Melayu Jawi-Rumi*, 1949). *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (1986) dihasilkan daripada rumusan Konvensyen Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada tahun 1984. Hasil Konvensyen tahun 1984 itu telah diselaraskan dan diperkemas dengan maklumat yang diperoleh daripada Konvensyen Tulisan Jawi anjuran Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri, pada tahun 1991, dan Seminar Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan pada tahun 1993. Semua maklumat tersebut disemak dan disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal Ejaan Jawi Pusat Islam dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1993-1994.

1.2 Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu yang termuat dalam buku ini merupakan maklumat terkini tentang sistem ejaan Jawi yang disusun berdasarkan dokumen-dokumen pedoman ejaan Jawi yang telah diterbitkan oleh DBP, dan maklumat-maklumat pedoman ejaan Jawi yang diselaraskan selepas itu, khususnya daripada terbitan-terbitan yang berikut:

- (i) *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Cetakan Pertama Edisi Ketiga, 1993.
- (ii) *Daftar Ejaan Rumi-Jawi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Cetakan Kedua, 1989.

2. Tulisan, Abjad dan Huruf

2.1 Tulisan Jawi ditulis (dan dibaca) dari kanan ke kiri (seperti sistem tulisan bahasa Arab). Sistem tulisan ini tidak mempunyai huruf besar atau huruf kecil seperti tulisan Rumi, tetapi perubahan bentuk huruf akan berlaku bagi beberapa huruf tertentu apabila dirangkaikan dengan huruf yang lain dalam penulisan sesuatu perkataan.

2.2 Abjad Jawi bahasa Melayu sekarang mengandungi 37 huruf bentuk tunggal yang tersusun seperti yang berikut:

Huruf Jawi	Nama	Padanan Rumi
ا	alif	a
ب	ba	b
ت	ta	t
ة	ta marbutah	t/h
ث	sa [tha]	s, (th)
ج	jim	j
چ	ca	c
ح	ha [ħa]	h, (ħ)
خ	kha [khO]	kh
د	dal	d
ذ	zal [dhal]	z, (dh)
ر	ra [rO]	r
ز	zai	z
س	sin	s
ش	syin	sy, (sh)
ص	sad [s̤Oɖ]	s, (s̤)
ض	dad [d̤Oɖ]	d, (d̤)
ط	ta [t̤O]	t, (t̤)
ظ	za [z̤O]	z, (z̤)
ع	ain [ʕain]	<i>awal</i> : a, i, u <i>akhir</i> : k, (‘)
غ	ghain	gh
غ	nga	ng

Huruf Jawi	Nama	Padanan Rumi
ف	fa	f
ڤ	pa	p
ق	qaf	k, q, (q)
ك	kaf	k
ڠ	ga	g
ل	lam	l
م	mim	m
ن	nun	n
و	wau	w, u, o
ڤ	va	v
ه	ha	h
ء	hamzah	<i>awal</i> : gugur <i>akhir</i> : k, (')
ي	ya	y, i, e taling
ى	ye [ye]	e pepet akhir
ڠ	nya	ny

Catatan 1: Huruf di dalam tanda kurung ialah padanan untuk transliterasi huruf Arab kepada huruf Rumi dan padanan untuk mengeja istilah khusus daripada bahasa Arab.

Catatan 2: Huruf ڤ (ta marbutah) disepadankan dengan huruf Rumi *h* dan *t*; dan ڠ bagi padanan transliterasi.

3. Bentuk Huruf dan Cara Penulisannya

3.1 Bentuk huruf dalam tulisan Jawi bergantung kepada jenisnya dan kedudukannya apabila ditulis secara tunggal, di pangkal kata, di tengah kata atau di akhir kata.

Tunggal	Akhir Kata	Tengah Kata	Pangkal Kata
ا	ا	ا	ا
ب	ب	ب	ب
ت	ت	ت	ت
ة	ة	-	-
ث	ث	ث	ث
ج	ج	ج	ج
چ	چ	چ	چ
ح	ح	ح	ح
خ	خ	خ	خ
د	د	د	د
ذ	ذ	ذ	ذ
ر	ر	ر	ر
ز	ز	ز	ز
س	س	س	س
ش	ش	ش	ش
ص	ص	ص	ص
ض	ض	ض	ض
ط	ط	ط	ط
ظ	ظ	ظ	ظ
ع	ع	ع	ع

Tunggal	Akhir Kata	Tengah Kata	Pangkal Kata
غ	غ	غ	غ
ش	ش	ش	ش
ف	ف	ف	ف
ث	ث	ث	ث
ق	ق	ق	ق
ك	ك	ك	ك
خ	خ	خ	خ
ل	ل	ل	ل
م	م	م	م
ن	ن	ن	ن
و	و	و	و
ز	ز	ز	ز
ه	ه	ه	ه
ء	ء	ء	ء
ي	ي	ي	ي
ى	ى	-	-
ن	ن	پ	پ

3.2 Untuk mengeja perkataan, 37 huruf Jawi digolongkan ke dalam tiga kelompok yang berikut, berdasarkan bentuknya sama ada boleh dirangkaikan atau tidak dengan huruf yang ada di depannya atau di belakangnya.

- (i) Kelompok A: اة د ذ ر ز و ف ي
- (ii) Kelompok B: ب ت ث ج چ ح خ س ش ص ض
ط ظ ع غ غ ف ف ق ك ك ل م ن ه ي ن
- (iii) Kelompok C: ء

3.3 Apabila sesuatu perkataan yang terbina itu menggunakan huruf-huruf dalam Kumpulan A sahaja, huruf-huruf tersebut tidak berubah bentuknya kerana tidak dapat dirangkaikan antara satu dengan yang lain. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اد	ada
دارا	dara
درو	deru
ردا	reda
دودا	duda
راوا	rawa

3.4 Apabila mengeja perkataan, huruf-huruf dalam kelompok A tidak boleh dirangkaikan dengan mana-mana huruf dalam Kumpulan B atau Kumpulan C yang ada selepasnya, tetapi dirangkaikan dengan mana-mana huruf dalam Kumpulan B yang ada sebelumnya. Contohnya:

Huruf Jawi	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ا	ديام	diam
ة	معامله	muamalat
د	قدح	pedang
ذ	بيذا	beza
ر	برسيه	bersih
ز	ميزان	mizan
و	سولم	sulam
ف	سوبورسيف	subversif
ى	ليفاسى	lipase

3.5 Apabila sesuatu perkataan yang terbina itu menggunakan huruf-huruf dalam Kumpulan B sahaja, huruf-huruf tersebut berubah bentuknya kerana dirangkaikan antara satu dengan yang lain. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
سمبهڠ	sembahyang
ڤمڤن	pimpin
تمڤل	tampil
ڤمبڠن	jambangan
كميسكينن	kemiskinan
تمڤلڠ	tempeleng

3.6 Apabila mengeja perkataan, huruf-huruf dalam kelompok B berubah bentuknya kerana dirangkaikan dengan mana-mana huruf dalam Kumpulan A yang ada selepasnya, tetapi tidak boleh dirangkaikan dengan mana-mana huruf dalam Kumpulan A yang ada sebelumnya. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
دبر	debar
رڠدڠ	rendang
كوڤس	kupas
كاكو	kaku
زكاة	zakat
سباتي	sebati
ترتاوا	tertawa

3.7 Huruf *hamzah* boleh hadir di awal perkataan (biasanya pada nama khas bukan Melayu) dan ditulis di tengah garisan tanpa “rumah” tetapi didekatkan dengan huruf yang hadir selepasnya. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
عڠ	Ng
عوڠ	Ong

3.8 Huruf *hamzah* yang berada di tengah perkataan ditulis di sebelah atas “rumah” yang disediakan sebagai penyambung antara huruf-huruf yang ada sebelumnya dengan yang selepasnya. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
مسئله	masalah
ملائكة	malaikat
چئڠ	Ch'ng

3.9 Huruf *hamzah* ditulis sebagai pemisah antara dua huruf vokal, iaitu *ai*, *au* dan *ui*, di tengah kata yang berpola KVVK. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ڤاءيس	pais
عاءيب	aib
اءور	aur
ڤاءوس	paus
بوءيه	buih
كروءيڠ	keruing

3.10 Huruf *hamzah* ditulis tanpa “rumah” di tengah garisan apabila diapit oleh huruf *alif* dengan huruf *ya* (diftong [ai]) atau huruf *alif* dengan huruf *wau* (diftong [au]) atau huruf *alif-wau* dengan huruf *ya* (diftong [oi]) yang mewujudkan diftong sebagai satu suku kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ايسينغ	aising
ايلرون	aileron
اوديت	audit
اتوماتيك	automatik

3.11 Kata atau istilah serapan daripada bahasa Arab yang mengandungi huruf *hamzah* ditulis seperti kedudukannya dalam bahasa sumber. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
وضوء	wuduk
املاء	imlak
اخفاء	ikhfak
انبياء	anbia
مأموم	makmum

3.12 Huruf *hamzah* digunakan sebagai pengganti huruf *alif* yang kedua apabila terdapat urutan bunyi vokal [a] dengan vokal yang lain di tengah kata terutamanya kata terbitan dan kata majmuk. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ستياوسها	setiausaha
ياءيت	iaitu
تاتاءوسها	tatausaha
كاراءوكي	karaoke
سوفراءوربيت	supraorbit
فنچاءيندرا	pancaindera

3.13 Huruf *hamzah* digunakan sebagai pengganti huruf *alif* awal kata dasar, khususnya kata dasar yang bermula dengan vokal selain [a], apabila menerima awalan serapan. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
قراء و صول	prausul
فسچا ء و جي	pascauji
سوبئيديتور	subeditor
سو قراء و رديناسي	superordinasi
سو قراء و ربيت	supraorbit
تريئو كسيد	trioksid
اولترا ء و غو	ultraungu

Pengejaannya adalah seperti berikut:

Kata	Padanan Jawi Asal	Ejaan Sebenar
pra + usul	قرا + اصول	قراء و صول
pasca + uji	فسچا + و جي	فسچا ء و جي
sub + editor	سوب + ايديتور	سوبئيديتور
super + ordinasi	سو قراء و رديناسي	سو قراء و رديناسي
supra + orbit	سو قراء و ربيت	سو قراء و ربيت
tri + oksid	تري + او كسيد	تريئو كسيد
ultra + ungu	اولترا + او غو	اولترا ء و غو

Catatan: Huruf *alif* kata dasar yang bermula dengan vokal [a] apabila menerima awalan yang tersebut adalah dikekalkan, tidak diganti dengan huruf *hamzah*. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ڤرااڠگڤ	praanggap
ڤرااڤير	praakhir
سوباسيد	subasid

4. Pelambangan Vokal

4.1 Dalam sistem ejaan Jawi sekarang, ada empat huruf vokal dan dua gabungan huruf vokal (digraf) yang digunakan bagi melambangkan enam fonem vokal atau bunyi vokal baku, iaitu [a], [i], [é], [e], [o] dan [u]. Huruf-huruf tersebut ialah *alif*, *ya*, *ye* (*ya* tanpa titik) dan *wau* serta gabungan huruf *alif-ya* dan *alif-wau*.

Huruf	Fonem	Contoh Penggunaan		
		di depan	di tengah	di belakang
alif	/a/	اڤي (api)	ڤادي (padi)	لوسا (lusa)
ya	(i) /i/	-	ڤيرا (kira)	لاڤي (lagi)
	(ii) /é/	-	رلا (rela)	ساڤي (sate)
ye	/e/	-	-	ناسيوناليسمي (nasionalisme)
wau	(i) /u/	-	بومي (bumi)	باتو (batu)
	(ii) /o/	-	ڤوما (koma)	ڤيڤاڤو (pidato)
alif-ya	(i) /i/	اڤڤن (ikan)	-	-
	(ii) /é/	اڤڤور (ekor)	-	-
alif-wau	(i) /u/	اولر (ular)	-	-
	(ii) /o/	اورڤ (orang)	-	-

Penjelasan lanjut diberikan di perenggan 4.2 hingga 4.7 di bawah.

4.2 Vokal [a] dilambangkan dengan dua cara yang berikut:

- (i) Vokal [a] dilambangkan dengan huruf *alif* apabila membuka suku kata atau terletak di suku kata terbuka. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
انق	anak
اغكوت	angkut
تانق	tanak
ساتو	satu
ارچا	arca
انتارا	antara

- (ii) Vokal [a] tidak dilambangkan dengan huruf *alif* apabila hadir di suku kata tertutup. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
بنته	bantah
کمبڠ	kembang
لڠسیر	langsir
سوکن	sukan
سکوله	sekolah
رمبوتن	rambutan

4.3 Vokal [i] dilambangkan dengan dua cara yang berikut:

- (i) Vokal [i] dilambangkan dengan huruf *alif-ya* apabila hadir di awal kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ايکن	ikan
ايسي	isi
ايمبس	imbas
ايس تري	isteri

- (ii) Vokal [i] dilambangkan dengan huruf *ya* apabila hadir di suku kata terbuka atau suku kata tertutup di tengah atau akhir kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
سيسسي	sisi
تيتي	titi
ميمفي	mimpi
ديعين	dingin
هيمفيت	himpit
بليمبيغ	belimbing

4.4 Vokal [é] *taling* dilambangkan dengan dua cara yang berikut:

- (i) Vokal [é] *taling* dilambangkan dengan huruf *alif-ya* apabila hadir di awal kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ايلوق	elok
ايدر	edar
ايجيق	ejek

ايغسيل engsel

(ii) Vokal [é] *taling* dilambangkan dengan huruf *ya* apabila hadir di suku kata terbuka atau suku kata tertutup di tengah atau akhir kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
تاوئي	tauge
تيمفي	tempe
ليچيه	leceh
بيچق	becak
سينديغ	sendeng
سليكيه	selekeh

4.5 Vokal [e] *pepet* dilambangkan dengan tiga cara yang berikut:

(i) Vokal [e] *pepet* dilambangkan dengan huruf *alif* apabila hadir di awal kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
امق	emak
امقيغ	emping
اغكاو	engkau
انته	entah

- (ii) Vokal [e] *pepet* tidak dilambangkan dengan apa-apa huruf apabila hadir di suku kata terbuka sebelum akhir atau suku kata tertutup. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
گندڠ	gendang
سپله	sebelah
منتری	menteri
کرڠگ	kerengga
میتر	meter
دوکومن	dokumen

- (iii) Vokal [e] *pepet* dilambangkan dengan huruf *ye* (huruf *ya tanpa titik*) apabila hadir di suku kata akhir terbuka. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
میتودی	metode
ناسیونالیسمی	nasionalisme
میکانیسمی	mekanisme
لیفاسی	lipase

4.6 Vokal [o] dilambangkan dengan dua cara yang berikut:

- (i) Vokal [o] dilambangkan dengan huruf *alif-wau* apabila hadir di awal kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اورڠ	orang
اولیه	oleh
اومبق	ombak

اوغكوس ongnos

- (ii) Vokal [o] dilambangkan dengan huruf *wau* apabila hadir di suku kata terbuka atau suku kata tertutup di tengah atau akhir kata. Contohnya:

Ejaan Jawi **Padanan Rumi**

كوتا	kota
روندا	ronda
سوتو	soto
جودوه	jodoh
فيداتو	pidato
كروغكونغ	kerongkong

4.7 Vokal [u] dilambangkan dengan dua cara yang berikut:

- (i) Vokal [u] dilambangkan dengan huruf *alif-wau* apabila hadir di awal kata. Contohnya:

Ejaan Jawi **Padanan Rumi**

اوبت	ubat
اونتا	unta
اومقام	umpama
اوغكون	unggun

- (ii) Vokal [u] dilambangkan dengan huruf *wau* apabila hadir di suku kata terbuka atau suku kata tertutup di tengah atau akhir kata. Contohnya:

Ejaan Jawi **Padanan Rumi**

سوكو	suku
بونتو	buntu
سولوه	suluh
كونتوم	kuntum
ترومبو	terumbu

كلمومور

kelemumur

5. Pelambangan Diftong

5.1 Diftong [ai] dilambangkan dengan dua cara yang berikut:

- (i) Huruf *alif-hamzah-ya* digunakan apabila diftong [ai] berada di awal kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اءيسخ	aising
اءيلرون	aileron

- (ii) Huruf *alif-ya* digunakan apabila diftong [ai] berada di tengah kata atau di akhir kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
بايدوري	baiduri
كايلىن	kailan
تايرو	tairu
سرائي	serai
متراي	meterai
تمبيكاي	tembikai

Catatan: Penggunaan huruf *alif-ya* sebagai lambang bagi vokal [ai] di tengah dan di akhir kata bertujuan mengurangkan masalah homograf (dua kata atau lebih yang sama ejaan tetapi berlainan maknanya) yang terdapat dalam ejaan Jawi lama. Contohnya kata yang dieja سري dalam ejaan Jawi lama ada dua makna iaitu *seri* dan *serai*. Dalam ejaan Jawi sekarang *seri* dieja سري, tetapi *serai* dieja سراي.

5.2 Diftong [au] dilambangkan dengan dua cara yang berikut:

- (i) Huruf *alif-hamzah-wau* digunakan apabila diftong [au] berada di awal kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ءوڊيو	audio
ءوڊيت	audit
ءوٲرڪي	autarki
ءوٲوماٲيڪ	automatik

- (ii) Huruf *alif-wau* digunakan apabila diftong [au] berada di tengah kata atau di akhir kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ساوڊارا	saudara
باوچر	baucar
ٲاوڪي	tauge
راياو	rayau
ڪماراو	kemarau
اغٲاو	angpau

Catatan: Penggunaan huruf *alif-wau* sebagai lambang bagi vokal [au] di tengah dan di akhir kata bertujuan mengurangkan masalah homograf (dua kata atau lebih yang sama ejaan tetapi berlainan maknanya) yang terdapat dalam ejaan Jawi lama. Contohnya, kata yang dieja رايو dalam ejaan Jawi lama ada dua makna, iaitu *rayu* dan *rayau*. Dalam ejaan Jawi sekarang, *rayu* dieja رايو, tetapi *rayau* dieja راياو.

5.3 Diftong [oi] dilambangkan dengan dua cara yang berikut:

(i) Huruf *alif-wau-wau-ya* digunakan apabila diftong [oi] berada di awal kata.

Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اويديوم	oidium

(ii) Huruf *wau-ya* digunakan apabila diftong [oi] berada di tengah kata atau di akhir kata. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
بويكوت	boikot
سكوي	sekoi
تامقوي	tampoi
كالوي	kaloi
دودوي	dodoi

6. Pelambangan Konsonan

6.1 Sejumlah 33 huruf (daripada 37 huruf - tidak termasuk *alif* dan *ye* serta *wau* dan *ya* yang berfungsi sebagai lambang vokal) dalam senarai abjad Jawi (lihat perenggan 2.2) bahasa Melayu adalah huruf-huruf konsonan yang hampir semuanya menjadi lambang satu lawan satu antara huruf dengan fonem konsonan. Maklumat tambahan dijelaskan di perenggan 6.2 hingga 6.4 di bawah.

6.2 Huruf *va*, iaitu *ز* (*huruf wau bertitik di atas*), digunakan sebagai lambang bagi fonem atau bunyi [v] yang terdapat dalam kata serapan daripada bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa Eropah yang lain. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ڤارياسي	variasi
ڤيديو	video
ڤوكاسيونل	vokasional
سوبڤرسيف	subversif

6.3 Huruf *qaf* digunakan sebagai lambang bagi semua bunyi hentian glotis [ʔ] di akhir kata jati bahasa Melayu. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
بودق	budak
ناءيق	naik
ڤوكوق	pokok
روكوق	rokok
باتيق	batik
داتوق	datuk

Catatan: Dalam ejaan Jawi lama, bunyi hentian glotis [ʔ] di akhir kata dieja dengan menggunakan huruf *qaf* atau *kaf* atau *hamzah*, misalnya بودق (budak), ناءيق (naik), dan داتوق (datuk).

Walau bagaimanapun huruf *qaf*, *kaf* dan *hamzah* tetap digunakan di akhir kata serapan daripada bahasa Arab seperti dalam ejaannya yang asal. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
وضوء	wuduk
املاء	imlak
معشوق	maksyuk
تصديق	tasdik
مشرق	musyrik
مالك	malik

6.4 Huruf *ta-marbutah*, iaitu ة (huruf *ta simpul*), dalam kata serapan daripada bahasa Arab melambangkan fonem [t] atau [h] sebagai kelainan sebutan (sekiranya kelainan sebutan tersebut tidak membezakan makna). Contohnya:

(i) Bunyi [t] yang terserap ditulis dengan ejaan *ta* (ت)

Ejaan Jawi	Sebutan	Padanan Rumi
دهشت	[dah.syat]	dahsyat
مشوارت	[me.syua.rat]	mesyuarat
سورت	[su.rat]	surat

(ii) Bunyi [t] dengan ejaan *ta marbutah* (ة)

Ejaan Jawi	Sebutan	Padanan Rumi
عادة	[ʔa.dat]/[a.dat]	adat
عورة	[ʔau.rat]/[au.rat]	aurat
طبيعة	[ta.bi.ʔat]	tabiat

(iii) Bunyi [h] dengan ejaan *ta marbutah* (ه)

Ejaan Jawi	Sebutan	Padanan Rumi
فتحة	[fa.ti.hah]	fatihah
مدرسة	[mad.ra.sah]	madrasah
سورة	[su.rah]	surah

(iv) Bunyi [t] atau [h] dengan ejaan *ta marbutah* (ﺕ)

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
عاقبة	akibat/akibah
هداية	hidayat/hidayah
كيفية	kaifiat/kaifiah
مصيبة	musibat/musibah

7. Pengejaan Kata Dasar Ekasuku

7.1 Huruf vokal *alif*, *wau* atau *ya* digunakan apabila mengeja kata dasar ekasuku yang berpola *KV* atau *VK*. Contohnya:

Jawi	Rumi	Jawi	Rumi	Jawi	Rumi
با	ba	تا	ta	وا	wa
لي	li	مي	mi	سي	si
چو	cu	كو	gu	رو	ru

7.2 Huruf vokal *alif* tidak digunakan sebagai lambang bagi bunyi [a] apabila mengeja kata dasar ekasuku yang berpola *KVK*. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
كه	gah
چم	jam
يغ	yang
خط	khat
بس	bas
فن	van

Catatan: Kecuali kata yang bermula dengan huruf *wau*, kata دان (dan), serta kata pinjaman daripada bahasa Arab yang sedia mengandungi huruf *alif*. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
عام	am
باب	bab
خاص	khas
حال	hal
واغ	wang
واڤ	wap

7.3 Huruf vokal *ya* atau *wau* digunakan apabila mengeja kata dasar ekasuku yang berpola *KVK*. Contohnya:

Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[é]	سين	sen
	كيس	kes
[i]	تير	tir
	بيل	bil
[o]	كول	gol
	بوم	bom
[u]	نون	nun
	نوت	tut

Catatan: Kecuali kata بن (bin).

8. Pengejaan Kata Dasar Dua Suku Kata

8.1 Dalam bahasa Melayu, kata dasar dua suku kata terdiri daripada gabungan 12 pola suku kata terbuka dan suku kata tertutup.¹ Empat pola suku kata yang digunakan untuk menjelaskan aturan ejaan Jawi dalam buku ini seperti yang berikut:

- (i) KVKV = (KV + KV)
Suku kata terbuka + suku kata terbuka
- (ii) KVKKV = (KVK + KV)
Suku kata tertutup + suku kata terbuka
- (iii) KVKVK = (KV + KVK)
Suku kata terbuka + suku kata tertutup
- (iv) KVKKVK = (KVK + KVK)
Suku kata tertutup + suku kata tertutup

Catatan: Suku kata terbuka ialah suku kata yang diakhiri oleh huruf vokal, dan suku kata tertutup ialah suku kata yang diakhiri oleh huruf konsonan. *V* = vokal; *K* = konsonan.

8.2 Kata dasar yang berpola *KVKV* (suku kata terbuka + suku kata terbuka) dengan kedua-dua vokalnya itu vokal [a] dieja dengan dua cara yang berikut:

(i) Kedua-dua vokal [a] dilambangkan dengan huruf *alif* apabila suku kata akhir bermula dengan huruf konsonan *dal*, *ra*, *lam*, *wau* atau *nga*. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
دادا	dada
بارا	bara
ڤالا	pala
ساوا	sawa
ڠاڠا	nganga

Catatan: Aturan ini dinamai “Kaedah Dal Ra Lam Wau Nga” yang terkenal dalam sistem ejaan Jawi lama.

¹ Sila lihat juga Bahagian Satu Pedoman Umum Ejaan Rumi Bahasa Melayu, perenggan 6.1 hingga 6.5, hlm. 7-9.

(ii) Apabila suku kata akhir tidak bermula dengan salah satu huruf *dal*, *ra*, *lam*, *wau* atau *nga*, huruf *alif* digunakan untuk melambangkan vokal [a] di suku kata praakhir sahaja. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ساي	saya
راس	rasa
باج	baja
تان	tanya
مات	mata

Catatan 1: Walau bagaimanapun, sekiranya bentuk akhir *-KVKV* itu ialah *-rama*, maka huruf *alif* digunakan di akhir kata.

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
راما۲	rama-rama
دراما	drama
ڦانوراما	panorama
چڦكراما	cengkerama
ديوراما	diorama

Catatan 2: Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan kekeliruan, huruf *alif* digunakan di akhir kata yang berikut:

Jawi	(Rumi)	Jawi	(Rumi)
باشا	(basya)	داتا	(data)
دانا	(dana)	فاسا	(fasa)
ماما	(mama)	نانا	(nana)
ڦاڦا	(papa)	ڦاشا	(pasya)

8.3 Huruf *alif* tidak digunakan sebagai lambang bagi bunyi vokal [a] di suku kata akhir yang bermula dengan konsonan *kaf* atau *ga* dalam pola *KVKV*, kecuali apabila suku kata praakhir mengandungi bunyi vokal *pepet* [e]:

(i) Vokal [a] tanpa *alif* di suku kata akhir terbuka dengan *kaf*:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[a + a]	باک	baka
	ساک	saka
[i + a]	میک	mika
	کتیک	ketika
[é + a]	لیک	leka
	ریک	reka
[o + a]	تروک	teroka
	ملوک	meloka
[u + a]	موک	muka
	لوک	luka

(ii) Vokal [a] tanpa *alif* di suku kata akhir terbuka dengan *ga*:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[a + a]	راک	raga
	ساک	saga
[i + a]	تیک	tiga
	کلیک	geliga
[é + a]	میک	mega

	مينتيك	mentega
[o + a]	سموك	semoga
	سوك	soga
[u + a]	دوك	duga

Catatan: Huruf *alif* digunakan untuk membezakan kata dwisuku dengan kata ekasuku atau dua kata yang berbeza maknanya yang berikut:

Jawi	(Rumi)	Jawi	(Rumi)
بيك	(beg)	بيكا	(bega)
بيك	(bek)	بيكا	(beka)
چيك	(cek)	چيكا	(cika)
ديك	(dek)	ديكا	(deka)
ايتيك	(etik)	ايتيكا	(etika)
فيزيك	(fizik)	فيزيكا	(fizika)
هرمونيك	(harmonik)	هرمونيكا	(harmonika)

8.4 Kata dasar yang berpola *KVKV* (suku kata terbuka + suku kata terbuka) dieja dengan menggunakan huruf vokal *alif*, *wau* atau *ya* di semua suku kata akhir terbuka apabila suku kata praakhir mengandunginya bunyi vokal *pepet* [e]. Contohnya:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[e + a]	تكا	teka
	ڤتا	peta
[e + i]	بلي	beli
	ڤري	peri
[e + u]	كلو	kelu
	بكو	beku

8.5 Selain aturan pengejaan yang dijelaskan di perenggan 8.2, 8.3 dan 8.4 di atas, huruf vokal *alif*, *ya* dan *wau* digunakan sebagai lambang bagi semua bunyi vokal dalam pola *KVKV* (dua suku kata terakhir) yang berikut:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[a + i]	راڤي	ragi
	پايي	nyanyi
[a + é]	ساتي	sate
	ساكي	sake
[a + o]	ڤيداتو	pidato
	توماتو	tomato
[a + u]	لاكو	laku
	ساگو	sagu
[i + a]	تيا	tiba
	ڤيزا	piza
[i + i]	تيتي	titi
	کيوي	kiwi
[i + é]	جيكې	jike
	فكسيميلي	faksimile
[i + o]	کيلو	kilo
	ريسيکو	risiko
[i + u]	ڤيلو	pilu
	پيرو	nyiru
[é + a]	ڤيکا	peka
	تيما	tema

[é + é]	سيري	sere
	تيلي ^٢	tele-tele
[é + i]	سيسي	sesi
	ليوي	levi
[é + o]	هيلو	helo
	فليينو	pleno
[é + u]	كيجو	keju
	سيوو	sewu
[o + a]	بولا	bola
	نوتا	nota
[o + i]	توڤي	topi
	روتي	roti
[o + é]	كولي	kole
	سوري	sore
[o + o]	سوتو	soto
	كوكو	koko
[u + a]	بوغا	bunga
	ڤوجا	puja
[u + i]	سودي	sudi
	ڤوجي	puji
[u + o]	جودو	judo
	كونو	kuno
[u + u]	گورو	guru

موتو

mutu

8.6 Kata dasar yang berpola *KVKKV* (suku kata tertutup + suku kata terbuka) dengan vokal [a] di kedua-dua suku kata dieja dengan dua cara yang berikut:

(i) Huruf *alif* digunakan sebagai lambang bagi bunyi vokal [a] di suku kata akhir sahaja apabila suku kata akhir itu tidak mengandungi huruf konsonan *kaf* atau *ga*. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
تندا	tanda
همفا	hampa
ڦغسا	pangsa
منجا	manja
رونا	warna
كستا	kasta

(ii) Huruf *alif* tidak digunakan sebagai lambang bagi bunyi [a] di kedua-dua suku kata apabila suku kata akhir mengandungi huruf konsonan *kaf* atau *ga*. Contohnya:

(a) Ejaan bagi suku kata akhir dengan *kaf*:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
رڠك	rangka
سڠك	sangka
جڠك	jangka
بڠك	bangka

(b) Ejaan bagi suku kata akhir dengan *ga*:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
------------	--------------

هرک	harga
ورک	warga
تغک	tangga
بغک	bangga

8.7 Huruf *alif* tidak digunakan sebagai lambang bagi vokal [a] di suku kata akhir yang mengandung huruf konsonan *kaf* atau *ga*, tetapi huruf vokal *ya* atau *wau* digunakan di suku kata praakhir. Contohnya:

(i) Ejaan bagi suku kata akhir dengan *kaf*:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[i + a]	بيغک	bingka
[u + a]	مولوسک	moluska
	مورک	murka

(ii) Ejaan bagi suku kata akhir dengan *ga*:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[i + a]	جیغک	jingga
	هیغک	hingga
[é + a]	ریغک	rengga
[o + a]	روغک	rongga
[u + a]	سوغک	sungga

8.8 Huruf vokal *alif*, *wau* atau *ya* digunakan di semua suku kata akhir terbuka pola *KVKKV* apabila suku kata praakhir mengandung bunyi vokal *pepet* [e] yang tidak dilambangkan dengan huruf. Contohnya:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
------------	------------	--------------

[e + a]	سرڤا	serba
	بندا	benda
[e + i]	ڦرلي	perli
	جرسي	jersi
[e + u]	ڦردو	perdu
	رستو	restu

8.9 Huruf vokal *ya* atau *wau* digunakan di mana-mana suku kata yang mengandung vokal [i], [é], [o] atau [u] apabila suku kata praakhir tidak mengandung vokal [a] atau vokal *pepet* [e] dan suku kata akhir tidak mengandung konsonan *kaf* atau *ga* dengan vokal [a] dalam pola *KVKKV* yang berikut:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[i + a]	ريمبا	rimba
	ميندا	minda
[i + i]	ميمڦي	mimpi
	ڦيڦيسي	gipsi
[i + é]	ڦيڦيڦي	cingge
	سيڦيسي	singse
[i + o]	هيڦيرو	hidro
	ميڦيرو	mikro
[i + u]	رينڦو	rindu
	ميڦيڦو	minggu
[é + a]	سيڦيسا	seksa
	رينڦا	renda
[é + i]	تيڦيسي	teksa

[é + o]	ديغكي	denggi
	تيمفو	tempo
	كيندو	kendo
[o + a]	رونطا	ronta
	بوندا	bonda
[o + i]	لومفي	lompi
	كوغسي	kongsi
[o + o]	بوغكو	bonggo
	كونچو	konco
[o + u]	بوغكو	bongsu
	فوغسو	pongsu
[u + a]	توندا	tunda
	فونچا	punca
[u + i]	كونچي	kunci
	فوغسي	fungsi
[u + o]	جومبو	jumbo
[u + u]	سومبو	sumbu
	كوغفو	kungfu

8.10 Huruf vokal tidak digunakan di kedua-dua suku kata pola *KVKVK* (suku kata terbuka + suku kata tertutup) apabila suku kata praakhir mengandung vokal *pepet* [e] dan suku kata akhir mengandung vokal [a]. Contohnya:

Ejaan Jawi

بلاه

Padanan Rumi

belah

چکف	cekap
درس	deras
لکڻ	lekang
کرن	geran
کلب	kelab

8.11 Huruf vokal *ya* atau *wau* digunakan di suku kata akhir sahaja apabila suku kata praakhir mengandungi vokal *pepet* [e] dalam pola *KVKVK*. Contohnya:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[e + i]	بتیق	betik
	لبیه	lebih
[e + é]	ستیم	setem
[e + o]	کابنور	gabenor
	کولیسٹیروول	kolesterol
[e + u]	جروق	jeruk
	چلوڦ	celup

8.12 Huruf vokal *alif*, *ya* atau *wau* digunakan di suku kata praakhir sahaja apabila suku kata akhir mengandungi vokal [a] dalam pola *KVKVK*. Contohnya:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[a + a]	هارڦ	harap
	سامن	saman
[é + a]	حیلہ	helah
	ریحت	rehat
[i + a]	کیسر	kisar

	هیلغ	hilang
[o + a]	روسق	rosak
	بورغ	borang
[u + a]	چورغ	curang
	بولن	bulan

Catatan: Sebagai kekecualian, huruf *alif* digunakan sebagai lambang bunyi [a] di suku kata akhir tertutup yang bermula dengan konsonan *wau* apabila suku kata praakhir berupa suku kata terbuka dengan vokal [é]. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ليواه	lewah
ليوات	lewat
سيواه	sewah
كليواغ	kelewang

8.13 Huruf vokal digunakan di kedua-dua suku kata pola *KVKVK* apabila suku kata praakhir tidak mengandungi vokal *pepet* [e] dan suku kata akhir tidak mengandungi vokal [a] atau *pepet* [e]. Contohnya:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[a + i]	باليق	balik
	داديه	dadih
[a + é]	قامير	pamer
	جاكيت	jaket
[a + o]	لافور	lapor
	چالون	calon
[a + u]	جاروم	jarum

	راغوف	rangup
[é + é]	چيريق	cerek
	كيلين	gelen
[é + i]	تيسيس	tesis
	ديبيت	debit
[é + o]	تيلور	telor
	ريكود	rekod
[é + u]	فيروم	ferum
	سيروم	serum
[i + i]	قيليه	pilih
	ديديق	didik
[i + é]	سيمين	simen
	تيكيت	tiket
[i + o]	نيلون	nilon
	ميتوس	mitos
[i + u]	تيدور	tidur
	فيروس	virus
[o + é]	بوليه	boleh
	هوتيل	hotel
[o + i]	فوسيل	fosil
	كلورين	klorin
[o + o]	فوكوق	pokok
	موتور	motor

[o + u]	فوروم	forum
	مودول	modul
[u + é]	تولين	tulen
	بوفيت	bufet
[u + i]	بوكيت	bukit
	توميس	tumis
[u + o]	كوڤون	kupon
	توتور	tutor
[u + u]	بوسوت	busut
	كوروغ	kurung

8.14 Huruf vokal *alif* tidak digunakan di semua suku kata tertutup apabila mengeja kata dasar berpola *KVKKVK*. Contohnya:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[a + a]	ڤڤڤڤه	pangkah
	لمبق	lambak
[a + i]	بنتيڤ	banting
	تمڤيل	tampil
[a + é]	تبليت	tablet
	كسكيت	gasket
[a + o]	لنچوڤ	lancong
	كربون	karbon
[a + u]	چمڤور	campur
	كمڤوس	kampus

[i + a]	بينتغ	bintang
	هيدرت	hidrat
[é + a]	فيغسن	pengsan
	هيكتر	hektar
[o + a]	توغكت	tongkat
	فورمل	formal
[u + a]	سومفه	sumpah
	تونجغ	tunjang

8.15 Huruf vokal tidak digunakan di mana-mana suku kata yang mengandungi bunyi vokal *pepet* [e] apabila mengeja kata dasar yang berpola *KVKKVK*. Contohnya:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[e + a]	تمثت	tempat
	دندم	dendam
[e + i]	برسيه	bersih
	قرميت	permit
[e + é]	كمبليغ	gembleng
[e + o]	جمقول	jempol
	ترموس	termos
[e + u]	سربوق	serbuk
	تمشوه	tempuh
[e + e]	دمدم	demdem
[a + e]	كنسر	kanser
	كقتن	kapten

[i + e]	سیستم	sistem
[é + e]	رینجر	renjer
	تیندر	tender
[o + e]	فوستر	poster
[u + e]	سومبر	sumber
	بورگر	burger

